

Pakar forensik beritahu tiada benda tumpul diguna

BH 9 FEB 2000

KUALA LUMPUR, Rabu — Pakar Forensik Hospital Kuala Lumpur (HKL), Dr Zahari Noor, memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini yang tiada sebarang tanda atau bukti yang menunjukkan sebarang kemasukan benda tumpul dalam bahagian dubur Sukma.

Dr Zahari berkata, benda tumpul yang dimaksudkannya itu adalah termasuk kayu, besi atau kemaluan lelaki.

“Tidak ada tanda bukti yang menunjukkan bahagian dubur penama (Sukma) telah atau pernah dimasuki objek tumpul baik yang baru atau lama,” katanya dalam perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Dr Zahari berkata beliau membuat kesimpulan itu selepas melakukan pemeriksaan terhadap Sukma apabila polis memintanya berbuat demikian.

Menjawab pertanyaan peguam Anwar, Christopher Fernando, beliau berkata antara tanda-tanda seseorang itu mengamalkan homoseksual adalah mempunyai lubang dubur yang luas, licin, boleh didapati parut dan menghidap penyakit kelamin.

Bagaimanapun, katanya, selepas melakukan pemeriksaan terhadap Sukma pada 9 September 1998 di Bukit Aman, beliau tidak mendapati sebarang tanda-tanda itu.

Dr Zahari berkata, beliau kemudian memberitahu Asisten Superintendan Rod-

wan Mohd Yusof mengenai hasil pemeriksaannya.

Katanya, Rodwan tidak menunjukkan sebarang reaksi selepas beliau memberitahu hasil pemeriksaannya itu.

Menjawab pertanyaan Timbalan Kanan Pendakwa-raya Azahar Mohamed, Dr Zahari berkata, hasil pemeriksaannya tidak menolak dakwaan kemungkinan bahawa Sukma pernah diliwat.

Bagaimanapun, katanya, tiada sebarang tanda yang menunjukkan bahawa ada kemasukan benda tumpul ke dalam dubur Sukma.

Berhubung soalan Azahar mengenai terdapat parut yang jelas di dubur Sukma, Dr Zahari berkata, parut itu adalah parut pembedahan yang dilakukan Sukma terhadap penyakit buasirnya.

Perbicaraan yang dijalankan di hadapan Hakim Ariffin Jaka akan bersambung esok.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka memberi keterangan dalam perbicaraan itu di Mahkamah Tinggi di sini, minggu depan.

Peguam Gobind Singh Deo yang mewakili Sukma memberitahu wartawan, pihaknya bercadang untuk memanggil Dr Mahathir bagi memberi keterangan sebagai saksi pembela pada minggu depan.

Katanya, sapina terhadap Perdana Menteri sudah diserahkan tetapi pihaknya belum menetapkan tarikh kehadiran Dr Mahathir.